

BORANG PENDAFTARAN PENGEDAR BUKU PENERBIT UiTM

Nama Syarikat	
No. Pendaftaran	
Tempoh Sah	
Bidang Perniagaan Utama / Kod Bidang	
Alamat Pejabat dan Cop Syarikat	
No. Telefon Pejabat	
No. Faks	
E-mel/Laman Sesawang	

Syarikat yang berminat untuk menjadi pengedar buku-buku terbitan Penerbit UiTM dikehendaki mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:

- Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia;
- Sijil Pensyarikatan oleh Pendaftar Syarikat;
- Profil syarikat;
- Bersetuju dengan terma dan syarat yang dinyatakan di dalam **Lampiran 1**

Tandatangan			
Nama			
Jawatan			
Tarikh		No. Tel. Bimbit	

***** Untuk Kegunaan Penerbit UiTM *****

Permohonan di atas telah disemak dan disahkan syarikat tersebut adalah ***MEMATUHI/TIDAK MEMATUHI*** syarat-syarat yang dikenakan untuk menjadi pengedar buku-buku terbitan Penerbit UiTM.

Tandatangan	
Nama	
Jawatan	
Tarikh	
No. Rujukan	
Catatan	DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN

TERMA DAN SYARAT SEBAGAI PENGEDAR (TUNAI)

1. Pengedar yang berminat untuk membeli dan mengedar buku-buku terbitan Penerbit UiTM perlu mendaftar menggunakan borang yang disediakan dengan disertakan profil syarikat.
2. Pengedar yang berdaftar akan diberi kadar diskaun sebanyak **35%** seperti yang telah ditetapkan oleh **Jawatankuasa Kewangan & Pembangunan (JKP)**, UiTM ke-175 bertarikh **9 November 2011**.
3. Pesanan/tempahan boleh dibuat melalui surat atau borang dan perlulah **diemelkan** ke penerbit@salam.uitm.edu.my atau **faks** ke talian 03-55225243.
4. Bayaran boleh dibuat secara tunai atau deposit tunai melalui:

Bank	: Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
Nama Akaun	: Akaun Penerbit UiTM (UiTM Press)
Nombor Akaun	: 12038010106004
5. Setiap bayaran yang telah dibuat perlulah dikemukakan **bukti atau penyata** bayaran melalui e-mel atau faks seperti di atas.
6. Setiap **penghantaran** akan dikenakan **caj** bergantung kepada kadar yang ditetapkan oleh panel syarikat penghantaran laju yang dilantik oleh UiTM.
7. Sebarang kos berkenaan dengan penghantaran produk melainkan dinyatakan sebaliknya oleh syarikat akan ditanggung oleh pengedar sendiri.
8. Setiap pembelian tidak boleh **dikembalikan** kecuali atas sebab teknikal seperti kehilangan muka surat, masalah cetakan, jilidan tercabut serta kerosakan semasa proses penghantaran.
9. Pengedar boleh membuat pertukaran produk sekiranya terdapat kerosakan dalam tempoh **14 hari** daripada tarikh penerimaan produk.
10. Pengedar tidak dibenarkan membuka atau menjalankan operasi sebagai pusat jualan (berpremis) yang memaparkan logo, nama, cogan kata syarikat tanpa kelulusan bertulis daripada pihak syarikat. Logo yang digunakan perlu ada pemberitahuan bahawa pengedar tersebut adalah rakan pengedar, pengedar syarikat. Logo tersebut boleh didapati dengan memohon dari pihak syarikat.

GARIS PANDUAN PEMILIHAN SEBAGAI PENGEDAR

Garis Panduan pemilihan pengedar adalah seperti berikut:

1. Syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan.
2. Keupayaan kewangan syarikat.
3. Berpengalaman dalam bidang berkaitan.
4. Tempoh pelantikan adalah selama dua (2) tahun dari tarikh pelantikan. Pengedar hendaklah sekurang-kurangnya membuat pembelian berjumlah **RM3,000.00** setahun. Selepas tempoh tersebut (2 tahun), Penerbit UiTM berhak untuk mengekalkan atau membatalkan pelantikan berdasarkan prestasi syarikat.

11. Penerbit UiTM berhak menarik balik dan/atau menggantung sebarang bentuk pemberian dan/atau insentif kepada pengedar yang melanggar polisi dan kod etika dan/atau mana-mana peruntukan dan/atau perjanjian dan/atau peraturan yang telah dipersetujui oleh pengedar dan Penerbit UiTM.
12. Penerbit UiTM akan membatalkan keahlian/pengedaran individu dan/atau kumpulan yang menyertai program perniagaan berangkai yang lain yang boleh menggugat atau menjatuhkan nama syarikat atau mempunyai produk yang sama dengan syarikat.
13. Semua urusan pembelian dilakukan dalam nilai Ringgit Malaysia (RM).
14. Bekerjasama dengan Penerbit UiTM untuk mempromosi dan meluaskan pasaran buku-buku terbitan Universiti.